

PANTUN KANAK-KANAK DARI PERSPEKTIF SEMIOTIK RIFFATERRE

(Children's Pantun from the Perspective Riffaterre's Semiotics)

Aida Qamariah Ishak
aidaqamariah@hotmail.com

Salinah Ja'afar
bsalina@um.edu.my

Ahmad Ramizu Abdullah
ramizu@um.edu.my

Akademi Pengajian Melayu,
Universiti Malaya.

Abstrak

Artikel ini menganalisis 20 kosa kata klasik dan 20 kosa kata moden menggunakan kaedah analisis konsep dan analisis makna berdasarkan 15 rangkap pantun kanak-kanak daripada *Koleksi Pantun Kanak-kanak* (KPKK) karya Mohamad Nazel Hisham. Teori semiotik Riffaterre dilihat sesuai untuk menganalisis PKK berdasarkan empat aspek pemaknaan, iaitu melihat pantun sebagai ekspresi tidak langsung; mengaplikasikan konsep pembacaan heuristik dan hermeneutik, serta hipogram. Hasil kajian mendapati pantun kanak-kanak mengandungi ekspresi puisi secara tidak langsung, struktur dan bentuk leksikal dan ayat dapat dilihat berdasarkan pembacaan heuristik, manakala mesej dan makna sebenar yang hendak disampaikan dapat dikesan menerusi pembacaan hermeneutik. Pengaplikasian aspek matriks (MAT), model (MOD) dan varian (VAR), serta penerapan unsur hipogram turut menjadikan proses pemaknaan pantun menjadi lebih lengkap. Penerapan keempat-empat aspek pemaknaan ini ternyata berjaya memberikan kefahaman kepada kanak-kanak untuk mentafsir makna tersurat dan mengurangkan kesukaran kanak-kanak untuk memahami mesej yang hendak disampaikan, sekali gus meningkatkan penguasaan bahasa Melayu yang betul.

Kata kunci: pantun kanak-kanak, teori semiotik Riffaterre, konsep pembacaan heuristik dan hermeneutik, hipogram

Abstract

This article analyzes 20 vocabulary items from classical and contemporary Malay using concept analysis and an analysis method based on 15 children's pantun from a collection of such poems by Mohamad Nazel Hisham. The Semiotics Theory of Riffaterre is seen as appropriate for analyzing children's pantun based on four aspects of meaning, namely viewing pantun as indirect expressions; applying heuristic and hermeneutic reading concepts, as well as hypograms. The findings reveal that children's pantun contain indirect expressions of poetry, the actual structure and the lexical form and paragraphs can be seen based on heuristic readings, while the actual message and meaning can be traced through heuristic and hermeneutic readings. The application of matrix aspect (MAT), model (MOD) and variant (VAR), and the application of hypogram elements also completes the process of meaning creation. The application of these four aspects of meaning proved successful in helping children to interpret the literal meanings, and reducing difficulties in understanding the intended message, thereby improving their ability to understand the Malay language.

Keywords: children's pantun, Riffaterre's semiotics theory, heuristic and hermeneutic reading concepts, hypograms

PENDAHULUAN

Fungsi makna dalam sastra amat penting untuk menghidupkan sesuatu karya kerana kegagalan menggunakan bahasa yang baik akan menyebabkan karya tersebut gagal berfungsi untuk melahirkan emosi dan bayangan. Diksi dan susunan perkataan hendaklah dipilih dengan teliti untuk melahirkan kesan keindahan yang diharapkan dalam sesebuah karya sastra, terutamanya dalam penciptaan pantun Melayu. Tanpa bahasa yang indah, pantun yang dikarang dan dibaca tidak akan terasa keistimewaannya. Oleh itu, para pencipta pantun dan pemantun melalui pemerhatian yang rapi perlu bijak mencipta, serta memilih kata dan makna. Keistimewaan pantun terletak pada kesederhanaan, dan kepadatan bentuk dan strukturnya. Serangkap pantun juga boleh memancarkan keindahan pengucapnya mencakupi ketinggian budi, serta keluasan dan kedalaman pemikiran. Keindahan bahasa dalam pantun juga mampu untuk mengungkapkan makna yang menjadi lambang ketekalan minda penciptanya. Wan Abdul Kadir Wan Yusuf (1996, p. 91) menyatakan bahawa nilai keindahan dalam pantun dapat dihayati oleh setiap lapisan anggota masyarakat dan menjadikannya sebagai suatu tradisi budaya yang popular dan tahan diuji sepanjang zaman.

Pernyataan Masalah

Pantun kanak-kanak (PKK) kurang popular berbanding dengan puisi moden yang dicipta menggunakan bentuk kata yang moden dan lebih mudah difahami maknanya. Pantun kanak-kanak (PKK) juga sukar difahami kerana penggunaan bentuk kata klasiknya yang jarang-jarang didengar dan digunakan dalam pertuturan seharian kanak-kanak. Kekurangan pendedahan dan penggunaan kosa kata Melayu klasik menyebabkan pantun sukar difahami, sekali gus kurang digemari oleh kanak-kanak. Maka, sewajarnya pantun ini dihidupkan kembali supaya kanak-kanak terdedah dengan kosa kata klasik yang indah, dan sesuai dengan konteks keindahan berbahasa dalam pantun.

Kewujudan bentuk pantun baharu yang mengalami transformasi melalui kosa kata yang lebih segar dan moden menjadikan PKK tidak lagi menepati ciri kelembutan dan kesopanan yang boleh didapati melalui penggunaan kata klasik. Oleh sebab itu, pantun kanak-kanak menjadi kurang popular dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu. Walaupun usaha tersebut dilihat murni, transformasi tersebut melemahkan peranan pantun sebagai medium untuk memperkenalkan kosa kata klasik dalam kalangan kanak-kanak. Natiujahnya, kanak-kanak mempelajari pantun yang mengandungi kosa kata moden tanpa memahami bentuk kata klasik yang seharusnya dipelajari dalam pantun. Dengan kata lain, penguasaan bahasa yang baik perlu seimbang antara kosa kata klasik dengan kosa kata moden. Pantun kanak-kanak perlu diberikan nafas baharu melalui pemilihan kosa kata klasik dan kosa kata moden tanpa menghilangkan keaslian dan keindahan bentuk pantun tersebut.

Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan memilih kosa kata yang digunakan dalam PKK dahulu dan sekarang, dan makna PKK akan dianalisis menggunakan teori semiotik Riffaterre. Melalui teori tersebut, setiap rangkap pantun yang mendukung makna tersirat dijelaskan maknanya melalui bahasa yang digunakan. Fokus akan diberikan terhadap empat aspek makna yang terbina dalam teori tersebut. Pertama, melihat pantun sebagai ekspresi tidak langsung, iaitu menyampaikan sesuatu hal dengan makna yang lain; kedua, pengaplikasian konsep pembacaan heuristik dan pembacaan hermeneutik; ketiga, mengkaji pantun dengan melihat matriks (MAT), model (MOD) dan varian (VAR), serta keempat, aspek hipogram.

Kajian Literatur

Bahasa mempunyai kaitan yang erat dengan akal dan peribadi manusia. Bahasa yang dituturkan oleh seseorang mencerminkan tingkah laku dan personalitinya. Bahasa merupakan alat untuk membentuk minda, perasaan dan keinginan. Bahasa mencakupi sistem komunikasi, alat berfikir dan pemangkin untuk membina manusia. Bahasa bukan sahaja sebagai suatu sistem kognitif yang unik, yang dapat dimanipulasi oleh manusia untuk menghasilkan sejumlah ayat yang tidak terbatas berdasarkan unsur yang terbatas, untuk digunakan oleh manusia sebagai alat komunikasi dan mengakumulasi ilmu pengetahuan. Bahasa juga membantu manusia agar dapat melahirkan idea dan perasaan, serta berhubung antara satu dengan yang lain. Bahasa dikuasai secara semula jadi dan dipelajari secara formal atau tidak formal. Sesungguhnya, keupayaan berbahasa dengan baik membolehkan manusia berkomunikasi dengan lebih berkesan (Simanjuntak, 1982).

Pembelajaran bahasa dianggap sebagai suatu proses pemerolehan maklumat dan pengetahuan, penguasaan kemahiran dan tabiat, serta pembentukan sikap dan kepercayaan. Proses pembelajaran berlaku sepanjang hayat bermula sebaik-baik sahaja dilahirkan. Kesan pembelajaran bukan sahaja dapat dilihat menerusi kemahiran semata-mata, tetapi dilihat menerusi perkembangan emosi, sikap, nilai estetika dan kesenian, serta ciri dalaman seseorang. Faktor pemilihan bahan bacaan yang sesuai adalah antara faktor yang perlu diberikan keutamaan apabila membincangkan pembelajaran bentuk kata dan makna kata dalam kalangan kanak-kanak. Kajian Juriah Long (1990) tentang pemerolehan dan penguasaan bahasa dalam kalangan kanak-kanak prasekolah mendapati proses pemerolehan bahasa kanak-kanak berlaku secara sistematik. Proses ini juga banyak dipengaruhi oleh faktor kognitif yang terbentuk melalui proses tindakan kanak-kanak terhadap objek dan peristiwa yang berlaku di sekitarnya. Dalam suatu kajian lain yang bertajuk “Pendidikan Kesusasteraan Awal Kanak-kanak: Isu dan Masalah” oleh Chew Fong Peng & Zahari Ishak (2010) menyatakan bahawa bahan bacaan, termasuk karya sastera ialah alat hiburan dan pendidikan masyarakat yang penting, khususnya kepada kanak-kanak. Menurut Brumfit (1991, p. 175) antara manfaat membaca karya sastera, termasuklah:

... the more we read-and the more we experience of life outside reading, of course the more our reading and re-reading is enriched. But it is enriched not merely at the level of language, but also at the level of form, structure of story, paragraphing, concept, and so on.

Hashim Awang (1985) pula memperincikan karya sastera sebagai hasil ciptaan seni yang disampaikan melalui bahasa. Hasil karya sastera disebarkan melalui bahasa, manakala bahasa mampu memancarkan keindahan yang terkandung dalam karya sastera. Wahana bahasa menjadikan karya sastera dapat difahami segala isi dan tujuan yang mahu dilakarkan oleh pengkarya. Titik pertemuan antara bahasa dengan sastera ialah sifat sastera yang memerlukan bahasa sebagai wahana komunikasi. Berfokus pada hasil karya sastera kanak-kanak, artikel ini bertujuan mengkaji ilmu di sebalik bentuk dan makna kata dalam karya sastera tradisional, iaitu pantun kanak-kanak.

Pantun merupakan puisi tradisional warisan Melayu. Meskipun gaya penyampaian pantun penuh dengan lenggok bahasa yang ringan dan mudah, namun mesej yang terungkap dalam setiap bait pantun amat mendalam, penuh bermakna dan mengandungi makna yang tersirat. Oleh itu, untuk memahaminya, budaya dan bentuk pemikiran masyarakatnya harus difahami dan dikenali. Menurut Winstedt (1961, p. 3), ... *no one can estimate the mental scope of the Malay without understanding of the pantun* Pandangan tersebut membuktikan bahawa hanya dengan memahami pantun, seseorang boleh mengetahui bentuk pemikiran dan nilai budi orang Melayu kerana dalam setiap rangkap pantun lama terakam segala pemikiran orang Melayu yang turut menyentuh perasaan melalui sensitiviti pancaindera penciptanya.

Tugas mencipta pantun bukanlah mudah kerana penciptanya perlu memikirkan dua baris pembayang pantun yang berlatarkan alam Melayu dan dua baris berikutnya perlu menyampaikan maksud yang ingin disampaikan secara padat, tepat dan ringkas. Meskipun pantun terikat pada syarat diksi yang terhad dan tertakluk pada ciri dan hukum pantun yang ketat, namun setiap baris pantun mesti mempunyai kesatuan idea dan sebuah cerita yang diolah menggunakan diksi yang indah dan mengandungi makna yang mendalam. Binaan seperti ini disebut sebagai *minimal art*, yakni mengungkapkan dunia yang kompleks lagi sulit dalam ruang wacana yang kecil dan dipadankan pula dengan jumlah perkataan yang minimum (Siti Hajar, 2013). Keadaan inilah yang disebut sebagai keunggulan pantun. Harun (1989, p. 105 – 110) juga berpandangan bahawa keistimewaan yang paling jelas ialah sifat pantun yang relatifnya pendek, namun mampu menjadi wahana luahan perasaan, sentuhan jiwa, pandangan hidup, pemikiran, serta jati diri masyarakat penciptanya. Menurut Muhammad Haji Salleh (2008) dalam bukunya *Permata di Rumput Gilang, Sastera sebagai Ruang Bangsa* berpendapat bahawa pantun dibina dan diungkapkan melalui pepadanan dan keselarian kata atau pepadanan bunyi aliterasi dan asonansi yang sesuai dan berisi. Idea, pemikiran dan mesejnya disusun mengikut keserasian pengarang atau pemikirnya. Muhammad Haji Salleh menyifatkannya sebagai

susunan harmoni. Keharmonian atau timbang tara diksi, intonasi, mesej dan makna perlu seimbang dan tidak sumbang atau janggal. Oleh itu, pantun mesti mempunyai peraturan atau ketetapan stilistik yang kukuh, tersusun dan berperaturan atau beradab, iaitu terikat dengan peraturan keserasian bunyi dan maksudnya. Komponen keserasian bunyi dan mesej, ataupun maksud dan makna menjadi penentu kehebatan atau idealismenya sesebuah pantun.

Pantun kanak-kanak (PKK) mempunyai struktur bacaan tersendiri yang menghasilkan keindahan apabila dibaca. Isi dan tema dalam PKK juga biasanya dihasilkan dengan lebih mudah dari segi diksi, susunan perkataan dan penyampaian maknanya. Dharmawijaya (1998) menyatakan bahawa terdapat beberapa jenis isi dan tema pantun. Antaranya teka-teki, jenaka, kasih sayang, budi, nasib, perantau, adat, kepahlawanan, peribahasa, kias ibarat dan agama. Hampir kesemua isi dan tema tersebut boleh disampaikan dalam PKK. Namun demikian, penentuan isi dan tema bukanlah sesuatu yang mutlak. Dalam setiap jenis isi dan tema pantun, lazimnya terdapat juga isi dan persoalan yang lain. Hal ini dapat dilihat pada latar yang dikembangkan, di samping isi atau persoalan lain yang berkaitan. Contohnya, PKK tentang kasih sayang selalunya diiringi dengan persoalan budi dan nasihat. Selain itu, PKK disampaikan dalam pelbagai variasi yang menambahkan fungsinya sebagai alat hiburan seperti dijadikan lirik lagu kanak-kanak. Antaranya termasuklah, lagu *Rasa Sayang*, *Burung Kakak Tua*, *Anak Rusa Nani*, *Buai Laju-Laju*, *Bangau oh Bangau*, *Suriram* dan *Ikan Kekek*. Walaupun pantun dilihat tidak mempunyai nilai komersial (Rogayah A. Hamid, 2009, p. 28), namun kemampuan PKK yang dapat bertahan sebagai karya sastera tradisional sehingga kini menunjukkan bahawa unsur hiburan amat banyak terdapat dalam PKK.

Sesuai dengan arus kemodenan, PKK kini sedang mengalami era transformasi yang menyebabkan bentuk PKK turut mengalami perubahan yang cuba disesuaikan dengan peredaran zaman. Pantun lama yang terikat dengan diksi dan susunan perkataan klasik (yang berperanan sebagai salah satu bentuk representasi pemikiran dan komunikasi yang sinonim dengan ekspresi zamannya), dilihat sukar untuk difahami maknanya sehingga kurang menarik minat kanak-kanak. Hal ini berlaku kerana penggunaan bentuk kata klasik dalam pantun jarang-jarang didengar dan digunakan dalam pertuturan seharian kanak-kanak. Selain itu, punca luntur dan lusuhnya semangat pantun yang menjadi hak milik orang Melayu juga berlaku kerana orang Melayu dilihat tidak berbangga berbahasa Melayu (Ungku Aziz, 2011, p.7). Fenomena ini semakin membimbangkan kerana sikap generasi mutakhir yang mulai mempamerkan tabiat tidak minat terhadap karya sastera yang memaksa otak untuk berfikir, sebaliknya begitu tertarik pada karya yang mudah,

santai dan menghiburkan. Medium pantun mula dilihat dalam situasi baharu dan mengalami transformasi bentuk dan semangat pantun yang lebih dinamik dan moden, iaitu melalui proses penciptaan rangkap yang tidak lagi konvensional (dengan segala keterikatan atau pantang larangnya) tetapi dalam keadaan yang fleksibel dan beracuan semasa, sesuai dengan tuntutan sejagat. Pantun lama yang biasanya disampaikan secara berseni melalui bentuk diksi yang indah, beralunan ritma dan ungunannya, serta sarat dengan kata klasik yang indah, kini sedikit demi sedikit tercemar dan terhakis. Keadaan ini mencerminkan cara hidup manusia zaman moden yang ringkas, cepat, mudah dan senang sehingga membentuk gaya hidup yang kalut dan kasar.

Dalam konteks penggunaan pantun sebagai medium pembelajaran bahasa untuk kanak-kanak pada alaf ke-21, pencipta PKK perlu mengekalkan perkataan klasik dalam ciptaannya agar kosa kata klasik dapat dilestarikan melalui pantun. Sebagai usaha untuk mengekang daripada terhakisnya penggunaan kosa kata klasik dalam bahasa Melayu, kewujudan perkataan klasik dalam pantun kanak-kanak harus dikekalkan untuk tujuan pembelajaran bahasa. Pantun dilihat sebagai salah satu kaedah pembelajaran alternatif yang menyeronokkan dan berpotensi untuk menarik minat kanak-kanak supaya mendalami ilmu makna, khususnya kosa kata klasik melalui pengucapan pantun yang menghiburkan. Aktiviti berpantun membolehkan kanak-kanak meningkatkan penguasaan bahasa lisan dalam suasana yang menyeronokkan kerana terdapatnya unsur hiburan. Bertepatan dengan pernyataan Nafii Mat (2006) yang menjelaskan bahawa penggunaan bahan sastera dalam pengajaran bahasa Melayu berupaya menjadikan pengajaran bahasa Melayu menghiburkan dan menyeronokkan, malahan bahasa dapat dikuasai secara maksimum. Selain itu, pembelajaran bahasa menggunakan pantun juga mendorong kanak-kanak untuk merujuk sumber seperti kamus, yang boleh membantu menjelaskan dan mengukuhkan ilmu makna, serta membawa penemuan idea baharu untuk meningkatkan penguasaan bahasa kanak-kanak.

Pantun Kanak-kanak (PKK) boleh digerakkan dalam bentuk permainan kata yang dinamik dan mampu juga dieksperimenkan daripada makna yang tertutup kepada makna yang lebih terbuka, serta mesej yang konkrit kepada yang abstrak, bergantung pada konteksnya. Kata yang terungkap dalam serangkap pantun sudah cukup untuk menggambarkan kehebatan bentuk ritma dan diksi pantun, yang memperlihatkan hubung kait dan timbang tara antara pembayang dengan maksudnya yang mencuit hati dan perasaan. Teori yang digunakan dalam penulisan ini ialah teori semiotik Riffaterre (TSR). Dalam sistem semiotik, tidak mustahil jika teks sastera dihubungkan dengan hal di luar ruang lingkungannya, sesuai dengan sistem tanda yang bermakna dan

pemakaiannya tidak lepas daripada konvensi dan hal yang berada di luar strukturnya. Selain itu, sistem semiotik juga bukan hanya menghubungkan sistem dalam karya, tetapi juga dengan sistem di luarnya (Riffaterre, 1987, p. 1).

Dalam lapangan semiotik, terdapat dua sistem semiotik, iaitu sistem semiotik tingkat pertama (*first order semiotics*) dan sistem semiotik tingkat kedua (*second order semiotics*). Oleh sebab itu, bahasa disebut sebagai sistem semiotik tingkat pertama yang kemudian ditingkatkan menjadi sistem semiotik tingkat kedua. Erti bahasa menjadi erti sastera yang disebut sebagai makna. Makna ialah erti daripada erti (*meaning of meaning*) atau makna yang signifikan (Preminger, 1974, pp. 981 – 982). Michael Riffaterre dalam bukunya yang berjudul *Semiotics of Poetry* (1978) menyatakan bahawa dalam usaha memahami dan mentafsir makna sesebuah puisi (pantun), terdapat empat aspek yang harus diberikan fokus. Pertama, puisi (pantun), merupakan ekspresi tidak langsung yang menyatakan sesuatu hal dengan erti yang lain; kedua, pembacaan heuristik dan hermeneutik (retroaktif); ketiga, matriks (MAT), model (MOD), dan varian (VAR); serta yang keempat, hipogram (Riffaterre, 1978, pp. 13 – 15).

Kajian ini dapat membantu pembaca merungkaikan masalah berhubung dengan makna sesebuah karya puisi tradisional. Menurut TSR, kandungan sesebuah pantun dapat dijelaskan dengan melihat kemampuan bahasanya kerana pantun selalunya dinyatakan secara tersirat. Riffaterre menyimpulkan bahawa tanda atau lambang pada tahap mimesis ke tahap signifikan merupakan tahap awal kajian semiotik, kerana pada tahap ini semua tanda atau lambang berbaur antara satu dengan yang lain kepada peringkat yang lebih tinggi. Proses pemindahan ini dinamakan sebagai manifestasi semiosis. Oleh itu, TSR dilihat sebagai suatu teori yang sesuai digunakan untuk mentafsir makna pantun.

Metodologi

Kajian ini menggunakan kaedah analisis konsep yang tertumpu pada bentuk kata yang dipilih, iaitu 20 kosa kata klasik dan 20 kosa kata moden. Seterusnya, analisis kajian akan dikembangkan kepada analisis makna 15 rangkap pantun yang dipilih dengan menggunakan pendekatan TSR. Bagi membincangkan analisis bentuk dan makna kata, empat aspek pemaknaan dalam TSR akan difokuskan, iaitu pertama, melihat pantun sebagai ekspresi tidak langsung, iaitu menyampaikan sesuatu hal dengan makna yang lain; kedua, pengaplikasian konsep pembacaan heuristik dan pembacaan hermeneutik; ketiga, mengkaji pantun dengan melihat matriks (MAT), model (MOD) dan variannya (VAR);

serta keempat, aspek hipogram (HIP). Secara keseluruhannya, bahan yang dianalisis dipetik daripada buku *Koleksi Pantun Kanak-Kanak* (KPKK), karya Mohamad Nazel Hisham yang diterbitkan oleh PTS Profesional pada tahun 2011. Buku ini memuatkan 315 rangkap pantun empat kerat yang dipecahkan kepada 78 tajuk yang mendukung sembilan jenis tema yang bersesuaian dengan tahap perkembangan kognitif kanak-kanak.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Analisis terhadap bentuk kata dan makna kata yang terkandung dalam pantun kanak-kanak yang dipilih akan dihuraikan melalui empat tahap dalam TSR, iaitu pertama ketidaklangsungan ekspresi pantun; kedua, pengaplikasian konsep pembacaan heuristik atau pembacaan hermeneutik; ketiga, mengkaji pantun dengan melihat matriks (MAT), model (MOD) dan varian (VAR), serta keempat, aspek hipogram (HIP).

Ketidaklangsungan Ekspresi Puisi (Pantun)

Pantun membicarakan sesuatu dengan maksud yang lain dan berbicara secara tidak langsung. Bahasa yang digunakan dalam pantun juga berbeza daripada bahasa harian. Ketidaklangsungan pernyataan pantun ini menurut Riffaterre (1978, p. 2) adalah disebabkan oleh tiga faktor, iaitu penggantian erti, penyimpangan erti dan penciptaan erti.

Penggantian Erti

Pada umumnya, kata kiasan menggantikan erti sesuatu yang lain, iaitu metafora dan metonimi (Riffaterre dalam Pradopo, 2005, p. 212). Dalam penggantian erti, sesuatu kata kiasan digunakan untuk menerangkan sesuatu erti yang lain (tidak menurut ertinya yang sebenar).

Tepat pukul dua,
Acara lumba lari;
Dengan *orang tua*,
Cakap rendah diri.

(KPKK, 2011, p. 11)

Gambaran keindahan pantun ditonjolkan melalui penggunaan gaya bahasa kiasan. Bahasa kiasan digunakan untuk mengungkapkan sesuatu makna dengan cara tidak langsung. Bahasa kiasan dalam pantun boleh berupa peribahasa, simpulan bahasa, perumpamaan atau ungkapan tertentu untuk menyampaikan maksud pantun. Simpulan bahasa *rendah diri* dalam pantun tersebut amat sesuai digunakan untuk menyampaikan maknanya kepada kanak-kanak. Sifat rendah diri bermaksud tidak sombong, angkuh atau takbur. Seseorang yang memiliki sifat rendah diri biasanya akan mudah didekati, dan boleh bercampur dengan semua golongan masyarakat tanpa mengira pangkat dan kedudukan. Pantun ini menuntut supaya seseorang anak itu bersifat rendah diri di hadapan orang tua. Dengan kata lain, anak perlu berbicara dengan lembut, jangan meninggikan suara, apatah lagi membentak apabila bercakap dengan orang tua demi menjaga hati dan perasaan mereka. Pantun ini dilengkapi lagi dengan penggunaan kosa kata klasik *orang tua* yang jarang-jarang digunakan oleh kanak-kanak pada waktu ini. Kebiasaannya kanak-kanak akan menggunakan istilah *ibu bapa* bagi menggantikan kosa kata *orang tua*. *Orang tua* bermakna satu komponen keluarga hasil perkahwinan yang sah yang terdiri daripada seorang ayah dan ibu. *Orang tua* memiliki tanggungjawab untuk mendidik, mengasuh dan membimbing anak untuk mencapai tahap tertentu dalam kehidupan pada masa hadapan.

Penyimpangan Erti

Penyimpangan erti berlaku disebabkan oleh ambiguiti, kontradiksi dan *nonsense* (tidak bermakna). Ambiguiti berlaku disebabkan penggunaan kata, frasa, ayat atau wacana yang taksa, iaitu mempunyai makna pelbagai yang dapat ditafsirkan mengikut konteks sehingga menghasilkan makna lebih daripada satu. Riffaterre (1978, p. 1 – 2) mengungkapkan sifat puisi melalui kata-katanya, *says one thing, means another*. Ungkapan tersebut bermaksud puisi berupaya untuk menyatakan ketidaklangsungan erti. Kalimat dalam puisi sering mempunyai erti yang berganda sehingga menimbulkan banyak pentafsiran atau ambiguiti. Sememangnya faktor ketaksaan dalam pantun tidak dinafikan kewujudannya. Namun, jika merujuk PKK yang dicipta dengan mengambil kira tahap penguasaan dan kematangan berbahasa, faktor ambiguiti bukanlah keutamaan. Malah, pencipta PKK lebih mengutamakan mesej yang hendak disampaikan melalui ciptaannya yang boleh diterima dengan jelas dan mudah difahami oleh kanak-kanak. Bersesuaian dengan pendapat yang dikemukakan oleh Piaget (1964) dalam teori perkembangan bahasa bahawa dari segi kualitinya, pemikiran kanak-kanak masih lagi berada pada tahap yang rendah berbanding dengan orang dewasa kerana pemikiran kanak-kanak bersifat egosentrik

dan berpusat, yang melihat keseluruhannya hanya dari perspektif mereka sahaja. Kanak-kanak yang berumur dalam lingkungan empat hingga tujuh tahun masih berada pada peringkat praoperasi konkrit dan tahap penguasaan bahasa mereka hanya terikat pada makna yang konkrit sahaja. Pernyataan ini disokong oleh Lenneberg (1967) yang menyatakan bahawa perkembangan bahasa mengikut jadual secara biologi dan bukannya datang daripada rangsangan atau gerak balas. Oleh sebab itu, lazimnya tiada penyampaian makna yang berganda dalam PKK demi memastikan mesej pantun dapat ditafsir dengan jelas. Walau bagaimanapun, pantun tetap mengandungi unsur seni dalam ungkapannya, dan kata klasik masih menjadi penyeri dalam pantun. Contohnya:

Abang bentang *ambal*,
Di bilik ibu saudara;
Guna kereta kebal,
Menentang musuh negara.

(KPKK, 2011, p. 83)

Main galah panjang,
Hingga tepi titi;
Baring atas *ranjang*;
Senang rasa hati.

(KPKK, 2011, p. 127)

Dua rangkap pantun ini sangat mudah difahami maknanya, walaupun terdapat ungkapan yang jarang-jarang atau tidak wujud dalam budaya berbahasa kanak-kanak pada zaman sekarang. Perkataan *ambal* dan *ranjang* ialah dua perkataan klasik yang jarang-jarang dituturkan oleh kanak-kanak walaupun perkataan tersebut membawa makna yang boleh digambarkan secara konkrit. Menurut *Kamus Komsas KBSM* (2004), perkataan *ambal* boleh membawa empat maksud, iaitu pertama, permaidani; kedua, berarak-arak; ketiga, melihat dengan ekor mata atau menjeling; dan keempat, menambak atau menimbun tanah. Jika merujuk rangkap pantun tersebut, perbuatan *bentang* amat sesuai dikaitkan dengan sejenis hamparan yang dinamakan *permaidani*. Hal yang sama berlaku apabila mentafsir makna perkataan klasik *ranjang* yang amat terhad penggunaannya dalam kalangan kanak-kanak pada masa ini. Makna *ranjang* boleh dikaitkan dengan perbuatan *baring* di atas sesuatu tempat yang disebut *ranjang* yang membawa maksud *katil*.

Kontradiksi wujud apabila suatu ciptaan pantun menggunakan ironi, paradoks dan antitesis. Ironi digunakan untuk menyatakan sesuatu secara sebaliknya dan biasanya

bertujuan mengejek, menyindir atau memperolok. Paradoks pula menyatakan sesuatu yang bertentangan dengan pendapat yang diterima umum, manakala antitesis pula menyatakan sesuatu yang benar-benar berlawanan atau bertentangan. Pendekatan jenis paradoks dan antitesis yang menggunakan kata kiasan pertentangan sebenarnya perlu untuk memperhebat kesan pantun terhadap pendengar. Dalam konteks PKK, pendekatan secara paradoks dan antitesis dilihat tidak sesuai digunakan kerana tahap penguasaan bahasa kanak-kanak yang masih rendah dan lebih berfokus pada makna yang bersifat konkrit untuk mentafsir dan memahami maksud pantun. Namun, pendekatan secara ironi pula dilihat dekat dengan dunia PKK. Ironi dizahirkan melalui kata sindiran yang disulami dengan kata nasihat yang indah yang disampaikan dengan tulus ikhlas. Contohnya:

Petik buah cabai,
Muat dalam perahu;
Pakai kopiah *lebai*,
Berdoa tidak tahu.

(KPKK, 2011, p. 54)

Lihat di sekeliling,
Candik, burung keria;
Buat mata juling,
Adik ketawa ria.

(KPKK, 2011, p. 123)

Setiap pantun yang dicipta mempunyai fungsi atau kegunaannya yang tersendiri. Bersesuaian dengan khalayaknya, pencipta PKK mewujudkan ironi dengan menggunakan pendekatan secara mengusik, mengejek atau memperolok sehingga menampakkan unsur jenaka dan hiburan dalam ciptaannya. *Koleksi Pantun Kanak-Kanak* (KPKK) (2011, p. 54) ialah salah satu daripada cara halus orang tua dahulu untuk menyindir kanak-kanak yang gemar menggayakan imej berkopiah seperti seorang *lebai* tetapi sebenarnya tidak mendalami ilmu agama dengan baik. *Lebai* ialah suatu gelaran terhormat kerana pemilik gelaran ini banyak menguasai ilmu agama dan berkebolehan untuk membaca doa, serta memimpin bacaan *Surah Yasin* dan tahlil. Pantun ini bertujuan menegur secara berseloroh sikap kanak-kanak yang lebih mementingkan imej berpakaian berbanding dengan ilmu agama yang sepatutnya dikuasai oleh seorang *lebai*. Kosa kata klasik *lebai* jarang-jarang dituturkan dan kanak-kanak lebih pantas melabelkan seseorang yang berjanggal, memakai kopiah, berbaju Melayu dan kadang-kadang berjubah, serta mahir hal ehwal agama sebagai seorang

ustaz. Unsur ironi melalui pendekatan memperolok dizahirkan dengan perlakuan *buat mata juling* dalam rangkap pantun tersebut menghidupkan nilai jenaka dalam pantun sehingga menyebabkan suasana riang seperti yang digambarkan dalam ungkapan *adik ketawa ria*. Dua baris ungkapan ini jelas menyatakan maksud pantun. Sesuatu yang menarik dalam rangkap pantun ini ialah penggunaan kosa kata klasik *candik* yang jarang-jarang digunakan oleh kanak-kanak pada zaman ini. *Candik* ialah sejenis burung yang juga dikenali sebagai burung merbah jambul. *Candik* mempunyai suara yang merdu dan memiliki kelincahan sehingga ramai penggemar burung memilih burung merbah jambul sebagai haiwan belaan.

Nonsense (tidak bermaksud) bermaksud kata atau deretan bunyi yang tidak mempunyai makna yang boleh dirujuk dalam kamus. *Nonsense* tidak mempunyai makna, tetapi mempunyai makna ghaib atau makna lain yang sesuai dengan konteksnya. Unsur *nonsense* juga wujud dalam PKK walaupun tiada contoh yang dapat dipetik daripada bahan yang dianalisis. Unsur ini sinonim dengan pantun dua kerat yang sering dinyanyikan oleh kanak-kanak dalam permainan tradisional yang menarik. Walaupun unsur ini dapat membantu kanak-kanak menguasai aspek fonologi, *nonsense* dilihat tidak membantu dari segi pemerolehan makna kepada kanak-kanak.

*Sang sang sut tali sabut,
Siapa kentut pecah perut.*

*Lat tali lat tali lat,
Tam ploi.*

Kedua-dua PKK tersebut tidak memberikan makna, tetapi menjadi suatu peraturan atau *standard operation procedure* (SOP) permainan undian bagi menentukan pihak yang memulakan sesuatu. Pantun ini dinyanyikan untuk memilih orang yang “jadi”. Contohnya, bagi permainan sorok-sorok, orang yang “jadi” ialah orang yang perlu mencari pemain yang menyorok.

Penciptaan Erti

Penciptaan erti terjadi apabila pada ruang teks berlakunya prinsip pengorganisasian yang mempunyai tanda keluar daripada hal ketatabahasa yang secara linguistiknya tidak memberikan erti (Riffaterre, 1978, p. 2). Contoh ruang teks adalah seperti enjambemen, tipografi dan persamaan posisi (homolog). Enjambemen bermaksud “melanggar batas” atau berlakunya peloncatan baris dalam pantun sehingga membuat

intensiti makna atau perhatian pada baris akhir. Tipologi bermaksud tatahuruf dalam teks biasa yang tiada makna, tetapi dalam pantun tatahuruf dapat mencipta makna. Seterusnya, persamaan posisi pula bermaksud persejajaran bentuk atau baris sehingga menimbulkan makna yang sama. Dalam bait pantun sering terdapat keseimbangan berupa persejajaran erti antara bait atau antara baris dalam bait. Baris yang sejajar sama ada dalam bentuk kata mahupun bunyi boleh menyebabkan timbulnya makna yang sama.

*Deras airnya deras,
Mudik berhati-hati;
Orang berhati keras,
Kurang budi pekerti.*

(KPKK, 2011, p. 27)

*Bacang buah bacang,
Tanam di tanah lapang;
Duit dalam uncang,
Seringgit dua kupang.*

(KPKK, 2011, p. 94)

Bait *deras* dan *bacang* yang digunakan pada baris pertama dalam dua rangkap pantun tersebut menunjukkan berlakunya pelanggaran batas sehingga boleh memberikan intensiti makna pada baris akhir pantun yang berbunyi *airnya deras* dan *buah bacang*. Persejajaran pada bentuk kata mahupun bunyi melahirkan makna yang sama.

Dua rangkap pantun ini juga mengekalkan bentuk kata klasik yang mengangkat nilai seni dalam ciptaannya. Perkataan *mudik* memperlihatkan nilai klasik dalam pantun ini bermaksud “belayar atau berkayuh ke hilir atau hulu sungai”. Walaupun perahu atau sampan masih digunakan, penggunaan kosa kata klasik *mudik* jarang-jarang dituturkan oleh kanak-kanak zaman sekarang. Seni dan keindahan pantun hanya akan dapat dilihat apabila kata yang berlapik atau berkias digunakan dalam pantun. Simpulan bahasa *keras hati* bermaksud *degil* ialah suatu sifat negatif yang perlu dijauhi oleh kanak-kanak yang mengamalkan budaya hidup yang berbudi pekerti. Berbanding dengan perkataan *degil*, simpulan bahasa *keras hati* jarang-jarang digunakan oleh kanak-kanak dalam perbualan seharian. Dalam rangkap pantun seterusnya, pencipta pantun memilih dua kosa kata klasik *uncang* dan *kupang*. *Uncang* bermaksud pundi kecil atau karung yang diperbuat daripada kain untuk membawa barang-barang. Kini, *uncang* masih wujud, tetapi kanak-kanak lebih terdedah untuk menamakan uncang sebagai *sacet*. Penggunaan kosa kata klasik *kupang* dalam pertuturan kanak-kanak zaman sekarang juga amat terhad. *Kupang*

ialah nilai mata wang syiling yang digunakan pada zaman dahulu. Kanak-kanak sekarang lebih terdedah pada penggunaan kata *sen* sebagai piawai yang merujuk nilai wang syiling di Malaysia.

Pembacaan Heuristik

Pantun dibaca berdasarkan morfologi, sintaksis dan semantik. Menurut Pradopo (2005, p. 36), pembacaan heuristik ialah pembacaan berdasarkan struktur bahasanya. Untuk menjelaskan erti, pembaca perlu memberikan sisipan kata atau sinonim kata yang diletakkan dalam tanda kurung. Di samping itu, struktur ayat juga perlu sesuai berdasarkan tatabahasa normatif. Pembaca pantun pada peringkat ini harus menghadapi rintangan pada tataran mimetik sebelum mencapai tahap pemaknaan dalam pantun. Proses penyahkodan (*decoding*) dimulakan dengan pembacaan tahap pertama yang dilakukan dari awal hingga akhir rangkap pantun. Pembacaan tahap pertama ini disebut sebagai pembacaan heuristik. Contohnya:

Ayam dalam *serkap*,
Patuk-patuk bulu;
Buat kerja cekap,
Guru puji selalu.

(KPKK, 2011, p. 12)

Ayam (berada) (di) dalam serkap,
(Ayam) Patuk-patuk (mematuk) bulu (nya);
Buat (lah) kerja (dengan) cekap,
Guru (mesti) puji (memuji) (kamu) selalu.

Jangan suka *alpa*,
Boleh rugi diri;
Sapa-menyapa,
Orang kanan kiri.

(KPKK, 2011, p. 67)

Jangan (lah) (kita) suka (bersifat) alpa,
(Sifat) (yang) boleh (membuatkan) (kita) rugi diri (sendiri);
(Marilah) (kita) sapa-menyapa,
Orang (di) kanan (dan) (di) kiri (kita).

Adik berambut *genjur*,
Cuci sampai bersih;

Kalau berhati jujur,
Tentu orang kasih.

(KPKK, 2011, p. 75)

Adik (yang) berambut genjur,
Cuci (lah) sampai (rambut) bersih;
Kalau (adik) berhati jujur,
Tentu (semua) orang (akan) kasih.

Penggunaan kosa kata *serkap*, *alpa* dan *genjur* yang tidak digunakan dalam pertuturan menyebabkan makna kosa kata ini tidak dikuasai oleh kanak-kanak, walaupun makna perkataan ini boleh dijelaskan secara mudah kepada kanak-kanak. *Serkap* ialah suatu alat yang diperbuat daripada buluh untuk mengurung ayam. *Alpa* pula bermaksud *lupa* atau *lalai*, sementara *genjur* pula bermaksud “rambut yang kaku ataupun kejang”. Pembacaan heuristik akan memperlihatkan struktur sebenar frasa, klausa dan ayat yang terdapat dalam pantun. Pembacaan struktur dalaman ini akan memudahkan guru menghuraikan aspek pembentukan ayat yang terkandung dalam PKK. Keadaan ini secara tidak langsung memperlihatkan ayat yang sempurna, dan memudahkan proses pembelajaran dan pengajaran bahasa dibuat. Struktur sintaksis atau ayat bahasa Melayu yang digunakan akan memperlihatkan kepada guru aspek tatabahasa yang betul, walaupun dalam pantun aspek tatabahasa tersebut tidak dipaparkan dengan jelas.

Pembacaan Hermeneutik

Pembacaan hermeneutik ialah pembacaan tahap kedua yang disebut juga sebagai pembacaan retroaktif. Pada tahap ini terjadinya proses interpretasi yang bersungguh-sungguh. Pembaca berusaha melihat kembali dan melakukan perbandingan dengan pantun yang dibaca dalam proses pembacaan tahap pertama. Dalam proses pembacaan tahap pertama dapat dikesan berlakunya ketidakgramatikaln antara fakta yang berhubungan pada tahap pembacaan heuristik kerana pelajar masih belum boleh memberikan makna pantun. Oleh itu, pantun perlu diulang baca (retroaktif) dengan memberikan tafsiran secara hermeneutik (Riffaterre, 1978, p. 5 – 6). Contohnya:

Tanam tepi laman,
Sebatang pokok *mengkula*;

Buku jadi teman,
Sampai bila-bila.

(KPKK, 2011, p. 15)

Pantun ini membawa mesej kepada kanak-kanak agar mencintai ilmu. Ilmu diperoleh melalui pembacaan. Buku adalah antara sumber terbaik untuk dibaca kerana buku merupakan khazanah ilmu pengetahuan yang tersimpan rahsia kehidupan dan kunci kemajuan, serta nilai yang mencorak kehidupan manusia. Oleh itu, kanak-kanak digalakkan untuk memanfaatkan masa dengan aktiviti membaca demi memperoleh ilmu sebagai penyuluh hidup untuk mencapai kejayaan pada masa hadapan.

Golok oh golok,
Sandar tepi *guri*;
Suka olok-olok,
Takut makan diri.

(KPKK, 2011, p. 29)

Meskipun bait pantun ini dilihat mudah dan ringkas, namun maknanya mendalam kerana boleh memberikan kesan kepada kehidupan kanak-kanak. Sikap *berolok-olok* bermaksud tidak bersungguh-sungguh atau untuk bermain-main sahaja. Olok-olok juga didefinisikan sebagai mempermainkan orang lain dengan perkataan dan perbuatan. Pantun ini mengingatkan kanak-kanak agar menghindari sifat suka berolok-olok kerana boleh mendatangkan kesan yang buruk. Sifat ini akan menyebabkan orang lain kurang percaya dan hilang hormat sehingga menjadikan kanak-kanak tersebut hilang kawan.

Timbang dengan *dacing*,
Sudah ketinggalan zaman;
Kalau bela kucing,
Sayang macam teman.

(KPKK, 2011, p. 32)

Pantun nasihat amat sinonim dengan PKK. Pantun ini menasihati kanak-kanak agar hidup berkasih sayang. Menyayangi haiwan peliharaan seperti kucing merupakan suatu tabiat yang sangat baik dan patut dipuji kerana Islam menyuruh umatnya agar menyayangi semua makhluk Allah SWT, termasuk insan, haiwan dan juga alam sekitar. Jika kucing menjadi haiwan peliharaan, berilah makan minum secukupnya, dan penuhi keperluan hidupnya dengan penuh tanggungjawab. Dalam pergaulan sesama rakan, kanak-kanak juga bertanggungjawab untuk mengamalkan nilai murni

demikian memastikan persahabatan terjalin dengan baik dan harmoni.

Makna kosa kata klasik *mengkula*, *guri* dan *dacing* dalam tiga rangkap pantun kanak-kanak tersebut dijelaskan secara konkrit. *Mengkula* ialah sejenis bunga, iaitu *bunga tanjung*. Perkataan *guri* membawa maksud “sejenis tempayan kecil” dan perkataan *dacing* pula bermaksud “sejenis alat penimbang yang terdiri daripada satu batang yang berskala, batu penimbang, serta tempat meletak barang”. Pembacaan hermeneutik memperlihatkan makna sebenar di sebalik pantun kanak-kanak yang bersifat bersahaja. Makna yang jelas ini secara tidak langsung membantu memudahkan pemahaman guru untuk menghuraikan makna sesuatu kata kepada kanak-kanak.

Aspek Matriks (MAT), Model (MOD) dan Varian (VAR)

Pantun lazimnya berkembang daripada matriks (MAT) menjadi model (MOD) dan ditransformasikan menjadi varian (VAR). Untuk menganalisis pantun, MAT diabstrakkan berupa satu kata, gabungan kata, bahagian kalimat atau kalimat sederhana (Salam, 2009, p. 7). MAT, MOD, dan teks yang merupakan VAR daripada struktur yang sama dikenali pada pembacaan tahap kedua.

Main batu seremban,
Lambung paras kepala;
Akar perdu haleban,
Buat batang tenggala.

(KPKK, 2011, p. 124)

MAT merupakan motor atau generator sebuah teks yang perlu diabstrakkan daripada pantun yang dikaji. MAT tidak diperolehi secara eksplisit dalam pantun kerana MAT bukan kiasan. MAT merupakan satu kata, gabungan kata atau satu ayat mudah yang berperanan sebagai kata kunci. MAT bukan tema, tetapi membantu mengarah pada tema. Pantun terdiri daripada pembayang dan maksud. Pembayang terletak di bahagian pertama setiap rangkap pantun. Pembayang pada baris pertama hendaklah ada hubung kait dengan pembayang pada baris berikutnya dalam setiap rangkap pantun. Maksud atau isi terletak di bahagian kedua dalam setiap rangkap pantun. Pada bahagian inilah tersurat dan tersiratnya perkara yang hendak disampaikan dalam pantun tersebut, iaitu tema. Oleh itu, setiap rangkap PKK mempunyai MAT yang tersendiri. Baris maksud PKK yang berbunyi *akar perdu haleban, buat batang tenggala* menceritakan bahan asas yang diperlukan untuk membuat sejenis

alat tradisional yang digunakan di sawah untuk membajak tanah. *Tenggala* yang dibuat daripada kayu *haleban* jenis keras dan batang *tenggala* diikat menggunakan *perdu*, iaitu bahagian pangkal pokok yang berumpun yang mengandungi akar pokok *haleban* yang bersifat tahan lasak dan tidak mudah putus untuk ditarik oleh seekor kerbau. MAT dalam rangkap PKK boleh dizahirkan melalui baris maksud *akar perdu haleban, buat batang tenggala*.

Jika MAT seperti motor atau generator sebuah teks, MOD pula diperlukan untuk menentukan tatacara pemerolehannya atau pengembangannya. MOD ialah kiasan dalam pantun yang berperanan sebagai kata kunci untuk memperoleh makna MAT. Melalui pemaknaan MAT, terdapat beberapa kata kunci yang berperanan sebagai MOD dalam PKK yang dianalisis, iaitu perkataan *perdu, haleban* dan *tenggala*. VAR dalam PKK ini pula merupakan transformasi MOD pada setiap satuan tanda (baris pantun) yang terdiri daripada perkataan *perdu* dan *haleban* pada baris maksud yang pertama dan perkataan *tenggala* pada baris maksud yang kedua. Daripada MAT, MOD dan VAR barulah tema PKK ini dapat diabstrakkan, iaitu penghasilan *tenggala*, iaitu sejenis peralatan tradisional untuk bersawah.

Oleh itu dirumuskan bahawa penggunaan kosa kata klasik banyak memainkan peranan untuk menampilkan nilai seni tradisi dalam rangkap pantun. Permainan tradisi kanak-kanak *batu seremban* yang menggunakan batu-batu kecil yang dilambung dan disambut masih wujud hingga hari ini. Begitu juga dengan kosa kata klasik *perdu, haleban* dan *tenggala*.

Hipogram

Teks sastera baharu mempunyai hubungan dengan teks sastera yang lain. Hubungan itu boleh berupa persamaan atau pertentangan. Riffaterre (1978, p. 11 – 23) menyatakan bahawa teks sastera yang menjadi latar karya sesudahnya itu disebut hipogram. Hal ini dijelaskan lagi oleh Julia Kristeva (dalam Culler, 1977, p. 139),

Setiap teks itu merupakan penyerapan atau transformasi teks-teks lain. Sebuah puisi itu merupakan penyerapan dan transformasi hipogramnya. Masuknya teks ke dalam teks lain adalah hal yang biasa terjadi dalam karya sastera, sebab pada hakikatnya suatu teks merupakan bentuk absorsi dan transformasi dari sejumlah teks lain, sehingga terlihat sebagai suatu mozaik.

Hipogram ialah karya sastera yang menjadi latar penciptaan sesebuah karya lain. Menurut Riffaterre (1978, p. 23):

Hipogram ialah modal utama dalam sastera yang akan melahirkan karya berikutnya. Setiap teks daripada suatu karya sastera biasanya mengambil bentuk atau inti sari yang baik daripada teks lain dengan berlandaskan persepsi yang diolah kembali oleh pengarangnya.

Pantun merupakan kesinambungan dan transformasi daripada teks lain, iaitu teks yang menjadi latar belakang penciptaannya. Kemunculan rangkap pantun boleh dikaitkan dengan karya sastera lain yang terlebih dahulu tercipta. Makna pantun boleh difahami sepenuhnya setelah diketahui hubungan antara pantun tersebut dengan pantun atau karya sastera lain yang menjadi latar penciptanya. Kenyataan ini dikemukakan oleh Riffaterre (1978, p. 24) bahawa, “hipogram terwujud dalam teks yang ada sebelumnya, baik berupa mitos mahupun karya sastera lainnya.”

Hipogram menjadikan proses pemaknaan pantun lebih lengkap. Salam (2009, p. 7) menyatakan untuk memberikan apresiasi atau pemaknaan yang mendalam pada karya sastera, maka sebaik-baiknya karya sastera tersebut disejajarkan dengan karya sastera lain yang menjadi hipogram atau latar belakang penciptaannya. Hipogram berperanan sebagai unsur cerita yang terdapat dalam sesuatu teks sastera yang terdahulu dan cerita tersebut mempengaruhi teks sastera yang dihasilkan kemudian. Contohnya:

Kuih seri kaya,
Sedap tiada *tara*;
Pada Hari Raya,
Ziarah sanak-saudara.

(KPKK, 2011, p. 61)

Pantun kanak-kanak (PKK) dicipta untuk menyampaikan maksud tentang sambutan perayaan Hari Raya Aidilfitri yang disambut dengan meriahnya oleh penduduk Islam di Malaysia. Tradisi rumah terbuka yang diamalkan sepanjang sebulan perayaan tersebut memberikan peluang kepada sanak saudara dan sahabat handai untuk ziarah-menziarahi sambil disajikan dengan pelbagai hidangan tradisional yang lazat. Terdapat hipogram yang merupakan teks yang menjadi latar belakang penciptaan pantun yang dianalisis melalui penciptaan pantun terdahulu yang menyentuh unsur cerita sambutan perayaan Hari Raya Aidilfitri sehingga menjadikan proses makna pantun kanak-kanak yang dianalisis lebih lengkap.

KESIMPULAN

Pantun kanak-kanak (PKK) merupakan salah satu warisan tradisi yang perlu dilestarikan agar penggunaan pantun tidak hilang ditelan zaman. Proses pembelajaran pengajaran bahasa menggunakan pelbagai kaedah yang menarik akan menjadikan mata pelajaran Bahasa Melayu diminati dan difahami dengan lebih mudah. Penelitian makna dan bentuk penggunaan PKK tidak banyak mendapat perhatian daripada pengkaji bahasa, lebih-lebih lagi untuk mengaplikasikan teori semiotik dalam analisis pantun. Rumusannya, penelitian bentuk dan makna leksikal pantun kanak-kanak dengan menggunakan pendekatan semiotik Riffaterre membantu proses pembelajaran dan pengajaran bahasa Melayu dengan lebih mudah dan jelas. Pengaplikasian kaedah pembacaan heuristik dan hermeneutik, misalnya dapat membantu guru dan ibu bapa membimbing kanak-kanak memahami pantun dan pada masa yang sama mempelajari bahasa Melayu yang betul. Hasil kajian mendapati bahawa PKK merupakan sebuah apresiasi karya sastera yang indah dan memiliki makna yang tersurat dan tersirat, yang lebih mudah untuk difahami menggunakan TSR, khususnya aplikasi pembacaan secara heuristik dan hermeneutik.

RUJUKAN

- Brumfit C. J. (1991). *Teaching English to children: From practice to principle*. London: Collins Educational Glasgow.
- Chew, F. P., & Zahari Ishak. (2010). Malaysian folk literature in early childhood education. *World Academy of Science, Engineering and Technology*, (Jun), p. 66. (ISSN 2070 – 3724). (ISI-Cited Publication).
- Dharmawijaya. (1998). *Dunia puisi dalam penelitian dan pengajaran*. Shah Alam: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Eric H. Lenneberg. (1967). *Biological foundations of language*. New York: John Wiley and Sons.
- Harun Mat Piah. (1989). *Puisi Melayu tradisional: Satu pembicaraan genre dan fungsi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hashim Awang. (1985). *Mendekati kesusasteraan Melayu*. Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Jean Piaget. (1964). Cognitive development in children: Piaget development and learning. *Journal of Research in Science*, 2, 176 – 186.
- Juriah Long. (1990). *Perkaedahan pengajaran bahasa Malaysia*. Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Kamus KOMSAS KBSM* (2004). Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Ku Seman Ku Hussain & Hafizahril Hamid. (2011). Wawancara bersama Profesor Diraja Ungku Abdul Aziz bin Ungku Abdul Hamid. “Saya bangga sebagai Melayu”. *Mingguan*

- Malaysia*. 19 Jun, p. 7.
- Mangantar Simanjuntak. (1982). *Aspek bahasa dan pengajaran*. Kuala Lumpur: Sarjana Enterprise.
- Muhammad Haji Salleh. (2008). *Permata di rumput gilang, sastera sebagai ruang bangsa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Naffi Mat. (2006). *Teknik mengajar KOMSAS komponen sastera*. Kuala Lumpur: PTS Profesional.
- Nazel Hashim. (2011). *Koleksi pantun untuk kanak-kanak*. Selangor: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Preminger, Alex. (1974). *Princeton encyclopedia of poetry and poetics*. New Jersey: Princeton University Press.
- Rachmat Djoko Pradopo. (2005). *Beberapa teori sastera, metod kritik dan penerapannya*. Yogyakarta: Pustaka Pelajar.
- Riffaterre, Michael. (1978). *Semiotics of poetry*. Bloomington and London: Indiana University Press.
- Rogayah A. Hamid. (2009, Mei). Ragam dan pola pembayang dalam pantun Melayu. *Dewan Sastera*, pp. 28 – 32.
- Salam. (2009). Makalah pembelajaran menulis puisi dengan metod Michael Riffaterre. Capaian daripada <http://gerbangpendidikan.blogspot.com/2009/01/pembelajaran-menulis-puisi->.
- Siti Hajar Che Man. (2013). Kelestarian pantun: Rencah dan leluhur bangsa dulu, kini dan selamanya. *International Journal of the Malay World and Civilisation (Iman)*, 1(1), 75 – 81.
- Wan Abd. Kadir Wan Yusoff. (1996). *Pantun motivasi masyarakat*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu.
- Winstedt, R. O. (1961). *The Malays: A cultural history*. London: Routledge & Kegan Paul.

Diperoleh (*Received*): 2 November 2017

Diterima (*Accepted*): 6 Disember 2017